

# ورتا فنرشن Warta Penerangan



OKTOBER 2014







**Terbitan Bahagian Pengurusan  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri**

**“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”**

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Awang Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak  
Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok  
Hajah Sujimawati binti Mejari

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
pegawai dan kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

## Isi Kandungan

## Muka

Cegah penderaan sebelum parah	5
Program Masyarakat Bermaklumat di Daerah Tutong	6
Peserta Program Masyarakat Bermaklumat terima sijil	7
Hormati, jiwai Lagu Kebangsaan, Bendera Negara	8
Taklimat kenegaraan di Sekolah Menengah Pai Yuek	9
Pelihara Bendera Negara, hormati Lagu Kebangsaan	10
Jabatan Penerangan menerima lawatan POLSARA	11
Cegah, kawal anak-anak daripada penyalahgunaan dadah	12
Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd mengadakan taklimat ke Jabatan Penerangan	13
Batu Apoi: Gabungan perkataan bahasa Melayu, Murut	14 - 15
Menyusuri Kampung Tumpuan Telisai	16 - 17
Istimewanya nama Kampung Junjongan	18 - 19
Wujudkan masyarakat pemedulian	20 - 21
Sua Muka ke Kampung Kapok	22
Senarai pegawai dan kakitangan yang menghadiri kursus / seminar / bengkel bagi bulan Oktober 2014	23
Kakitangan Jabatan Penerangan bersara	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

# Cegah penderaan sebelum parah

Oleh: Nooratini Haji Abas, Nurul Syakirah Zaini

Foto: Mohd. Mahdi Haji Marsidi



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan (kiri) dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain (kanan) semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Program Masyarakat Bermaklumat (Keusahawanan dan Isu Penderaan).



**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Oktober. - Semua anggota masyarakat di negara perlu mempunyai sikap tanggungjawab dan pemedulian terhadap mangsa penderaan.

Walaupun isu-isu penderaan di negara ini dalam jumlah yang kecil, namun ia sebaiknya dicegah sebelum menjadi parah dan semakin berleluasa serta menjadi penyakit masyarakat.

Demikian ditegaskan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Program Masyarakat Bermaklumat (Keusahawanan dan Isu Penderaan) yang berlangsung di Auditorium Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat komited dalam menggalakkan peluang bagi rakyat di negara ini untuk berjaya dalam bidang keusahawanan.

Yang Berhormat menambah, pelbagai program dan inisiatif diadakan supaya mereka lebih membuka mata dan minda menerusi kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan anggota

masyarakat di peringkat akar umbi.

Terdahulu sebelum itu, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar mewakili ucapan Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyatakan program tersebut dilaratkan ke semua daerah di negara ini supaya setiap anggota masyarakat tersebut mempunyai peluang yang sama untuk menambah ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan.

Selain itu, mereka juga sama-sama berganding bahu dalam membendung gejala penderaan yang dilihat sebagai penyakit masyarakat pada era globalisasi ini.

Beliau seterusnya berharap agar program tersebut menjadi sumber pencetus inovasi baru dan membenihkan perubahan-perubahan yang positif dalam membentuk masyarakat yang inovatif, berdaya saing dan penyayang serta pemedulian.

Pada program tersebut, diselajurkan dengan sesi taklimat mengenai 'Keusahawanan dan Pemasaran Produk' yang disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Pusat Promosi dan Pemasaran, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Antara taklimat yang disampaikan menyentuh tentang usaha-usaha kerajaan dalam membantu para peniaga dalam mulakan perniagaan sama ada dari segi kewangan maupun tempat memulakan perniagaan.

Program dua hari tersebut dapat memberi inspirasi dan semangat kepada anggota masyarakat dan mendedahkan mereka dengan memberi pengetahuan serta maklumat bagaimana untuk meningkatkan taraf hidup dengan membina ekonomi dalam bidang keusahawanan serta menangani permasalahan mangsa dera melalui agensi-agensi tertentu.

Inisiatif seumpama ini adalah sebagai salah satu usaha Jabatan Penerangan dalam sama-sama menyebarluaskan aktiviti dan program-program kerajaan bagi memperkasa peranan serta sumbangan masyarakat ke arah pembangunan negara, di samping mencemerlangkan lagi imej membudayakan masyarakat bermaklumat.



ANTARA peserta-peserta Program Masyarakat Bermaklumat (Keusahawanan dan Isu Penderaan) yang berlangsung di Auditorium Jabatan Penerangan.



TAKLIMAT mengenai Keusahawanan dan Pemasaran Produk disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Pusat Promosi dan Pemasaran, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.



Oleh & Foto : Aryentyt Haji Ariffin

TUTONG, Rabu, 1 Oktober. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan Program Masyarakat Bermaklumat selama dua hari.

Program yang disertai oleh 70 orang peserta itu terdiri daripada ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), Mukim Berakas 'A' dan 'B' dan Bimbining Muslimah Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah Kampung Kiarong.

Program tersebut merupakan kali kedua diadakan dengan memfokuskan pada keusahawanan dan dilaratkan di keempat-empat daerah. Para peserta program telah mengadakan lawatan ke tempat pembuatan Teh Herba, produk kampung MPK Kiudang dan Galeri Ariffin.

Semasa lawatan, rombongan Program Masyarakat Bermaklumat turut diberikan taklimat ringkas mengenai Produk 1K1P MPK Kiudang yang disampaikan oleh Awang Muhammad Amir bin Haji Umarali, selaku Biro Penerangan MPK berkenaan.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi inspirasi dan semangat kepada anggota masyarakat dan mendedahkan mereka dengan



AWANG Muhammad Amir bin Haji Umarali, selaku Biro Penerangan MPK Kiudang semasa menyampaikan taklimat ringkas mengenai dengan Produk 1K1P MPK Kiudang.

memberi pengetahuan serta maklumat bagaimana untuk meningkatkan taraf hidup dengan membina ekonomi dalam bidang keusahawanan.

Inisiatif seumpama ini adalah salah satu usaha Jabatan Penerangan dalam sama-sama menyebarluaskan aktiviti dan program-program kerajaan bagi memperkasa peranan serta sumbangan masyarakat ke arah pembangunan negara.

Turut hadir ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali; Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Noorashidah binti Haji Aliomar, Ketua Kampung Kiudang dan pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan.



PESERTA-PESERTA program terdiri daripada ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Mukim Berakas 'A' dan 'B' dan Bimbining Muslimah Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah Kampung Kiarong semasa mendengarkan taklimat.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar ramai bersama para peserta Program Masyarakat Bermaklumat (Keusahawanan dan Isu Penderaan) terdiri dari ahli-ahli MPMK Mukim Berakas 'A' dan 'B' serta Bimbining Muslimah Jame' Asr Hassanal Bolkiah Kampung Kiarong.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani,  
Siti Surdahni Haji Tahamid  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

terutama bidang keusahawanan serta bagaimana untuk menangani permasalahan mangsa dera melalui agensi-agensi tertentu.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan sijil kepada peserta Program Masyarakat Bermaklumat (Keusahawanan dan Isu Penderaan).



PEGAWAI Penyiasat Pasukan Polis Diraja Brunei, Inspektor Hajah Anis @ Rozafina binti Haji Ahmad Mohd. Ariffin semasa menyampaikan Taklimat Khidmat Kaunseling Mangsa Dera kepada para peserta Program Masyarakat Bermaklumat (Keusahawanan dan Isu Penderaan).

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Oktober. - Para peserta Program Masyarakat Bermaklumat (Keusahawanan dan Isu Penderaan) yang terdiri daripada ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Mukim Berakas 'A' dan 'B' serta Bimbining Muslimah Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah Kampung Kiarong menerima sijil masing-masing setelah menamatkan program berkenaan di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Hadir menyempurnakan penyampaian sijil kepada 70 peserta program ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Terdahulu sebelum itu, juga diadakan Taklimat Khidmat Kaunseling Mangsa Dera yang disampaikan oleh Pegawai Penyiasat Pasukan Polis Diraja Brunei, Inspektor Hajah Anis @ Rozafina binti Haji Ahmad Mohd. Ariffin.

Sementara itu, wakil peserta, Awang Haji Yusof bin Haji Murni dalam ucapan ringkasnya menjelaskan, program ini amat memberi manfaat dan sangat berguna kepada mereka sebagai satu pengongsian ilmu dan pengalaman antara sumber dan peserta program.

Beliau berharap program dapat diteruskan dan terus dilaratkan dengan pengisian-pengisian ceramah-ceramah yang bermanfaat dan berguna kepada masyarakat Brunei Darussalam.

Para peserta dibawa melawat ke Kompleks Rumah Kebajikan Subok pada sebelah pagi.

Antara tujuan utama program tersebut diadakan adalah untuk memberi inspirasi dan semangat kepada anggota masyarakat, di samping mendedahkan mereka dengan pengetahuan dan maklumat tentang bagaimana untuk meningkatkan taraf hidup dalam membina ekonomi

• Miss A mengambil foto telengannya dan video 'fingering' kemalumannya di dalam jamban biliknya.  
• Miss A BLUETOOTH & WHATSAPP Mr X, Mr Y & R  
• Foto & Video itu dimuatnaik di dalam FACEBOOK

D/Sek.509, KMJ, Peng.22, Kesalahan: Mengambil kehormatan Miss A dengan memuatnaik objek (gambar & video) Miss A yang tidak senonoh.

KEPUTUSAN KES: Miss A bersama Mr X, Mr Y & Mr Z diarahkan Mahkamah untuk diberikan KAUNSELING

# Hormati, jiwai lagu kebangsaan, bendera negara

Oleh & Foto :  
Hezlinawati Haji Abdul Karim

**T**EMBURONG, Sabtu, 4 Oktober. - Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri merupakan dukungan terhadap usaha-usaha yang sedia ada dalam menggalakkan para pelajar di negara ini agar menghormati serta menjiwai Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara.

Taklimat yang penuh dengan maklumat itu dilaratkan ke Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi, dihadiri oleh lebih 90 pelajar Tahun 1 hingga Tahun 5 sekolah rendah berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan yang juga selaku Ketua Cawangan Penerangan Temburong, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad yang antara lain menjelaskan bahawa bendera negara memainkan peranan penting termasuk untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini, menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara serta sebagai mendukung falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).



PENOLONG Pegawai Penerangan yang juga selaku Ketua Cawangan Penerangan Temburong, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad ketika menyampaikan taklimat kenegaraan ‘Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’.

Semasa taklimat tersebut para penuntut juga berpeluang menjawab soalan-soalan kuiz berdasarkan isi kandungan taklimat yang disampaikan.

Taklimat sedemikian diharap dapat lebih memberi kesan dan bermakna di mana para penuntut diharap dapat lebih memahami dan menghayati mesej di sebalik Bendera Negara yang dikibarkan dan Lagu Kebangsaan yang dinyanyikan di setiap kali perbarisan atau perhimpunan diadakan di sekolah mereka.



PELAJAR-PELAJAR Tahun 1 hingga Tahun 5 Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi yang hadir mendengarkan taklimat kenegaraan anjuran Jabatan Penerangan.

# Taklimat kenegaraan di Sekolah Menengah Pai Yuek

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Ah Chua



SESI bergambar ramai sejurus berakhirnya Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan’ di Sekolah Pai Yuek.

KETUA Cawangan Penerangan Temburong Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad menyerahkan cenderahati kepada Guru Besar Sekolah Pai Yuek, Awang Haji Nispur bin Haji Tahir.



**T**EMBURONG, Isnin, 27 Oktober. – Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui cawangan Penerangan Daerah Temburong meneruskan siri taklimat kenegaraan dengan tumpuan kali ini bagi para penuntut di Sekolah Pai Yuek, Kampung Seri Tanjung Belayang, Pekan Bangar.

Taklimat bertajuk ‘Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan’ itu disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad yang juga selaku Ketua Cawangan Penerangan Temburong.

Dalam taklimatnya Pengiran Ikram antara lain menjelaskan tentang sejarah panji-panji Negara Brunei Darussalam, peranan bendera kepada negara serta sejarah Lagu Kebangsaan.

Sementara itu ketika ditemubual, Guru Besar Sekolah Pai Yuek, Awang Haji Nispur bin Haji Tahir menjelaskan taklimat seumpama ini amatlah bermanfaat kepada para penuntut terutamanya penuntut Tahun 6 memandangkan mata pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB) merupakan salah satu subjek yang terkandung di dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

“Dengan adanya taklimat ini akan membantu para penuntut agar lebih memahami salah satu subjek dalam MIB yang ada hubung kait dengan bendera dan juga Lagu Kebangsaan,” ujarnya.

Beliau seterusnya berharap para pelajar akan dapat mengambil iktibar dan mempraktikkan apa yang telah disampaikan semasa taklimat tersebut.

Selain mendengarkan taklimat, para penuntut yang terdiri dari Tahun 1 hingga Tahun 6 itu juga berpeluang menguji minda dan pengetahuan mereka tentang bendera negara dan lagu kebangsaan melalui Kuiz Kenegaraan.



PENOLONG Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad yang juga selaku Ketua Cawangan Penerangan Temburong ketika menyampaikan Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan’ di Sekolah Pai Yuek.



PENUNTUT-PENUNTUT tidak melepaskan peluang untuk mencuba menjawab Kuiz Kenegaraan.

## Pelihara bendera negara, hormati lagu kebangsaan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi



**PEMANGKU** Pegawai Penerangan Kanan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim menyampaikan Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’ kepada guru-guru dan pelajar dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain.



**GURU-GURU** dan pelajar dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain semasa menyanyikan Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’.



**SEBAHAGIAN** penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Husain ketika mendengar taklimat yang disampaikan.

pendedahan yang lebih terperinci mengenai perkara-perkara mengenai bendera dan lagu kebangsaan berbanding apa yang diajarkan di sekolah-sekolah.

Taklimat ini ujarnya, lebih berinformasi dan mampu membuka mata dan minda masyarakat terutama kepada para pelajar untuk menghormati lagu kebangsaan dan bendera negara kita.

Beliau sangat kagum dan menghargai usaha Jabatan Penerangan mengungkayahkan acara seumpama itu yang jelas sekali mampu menyentuh semangat generasi muda untuk lebih cintakan raja, agama dan negara dalam diri mereka.

Kira-kira 160 penuntut sekolah berkenaan menghadiri program taklimat itu dengan objektifnya antara lain mengoptimakan penghayatan dan pemahaman terhadap Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, bernegara, beragama yang berdasarkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Oktober. - Sebahagian penduduk di negara ini masih lagi tidak menitikberatkan tatacara dan aturan-aturan pemasangan bendera dengan cara yang betul dan teratur.

Bendera Negara Brunei Darussalam dinaikkan pada hari-hari tertentu dan bukannya setiap hari tanpa sebarang arahan tertentu sehingga dibiarkan bendera tersebut rosak.

Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim menjelaskan demikian ketika ditemu bual pada Program Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’.

Selain itu, sesetengah peniaga di syarikat atau perniagaan swasta juga ada yang beranggapan tidak perlu memasang bendera negara apabila kain rentang sudah dipasangkan di premis mereka.

“Persepsi mereka itu salah dan perlunya taklimat seumpama ini diadakan bagi memperbetulkan segala permasalahan yang berlaku,” tegasnya lagi.

Menyentuh mengenai Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ pula, beliau menjelaskan, apabila dipantau secara rambang, ada juga mereka menyanyikan lagu dengan acuh tak acuh padahal lagu tersebut mengandungi permohonan doa kepada Allah untuk raja dan negara kita.

Lagu kebangsaan tegasnya, semestinya diberi penghormatan melalui adab-adab tertentu seperti berdiri dengan betul, di samping menyanyi dengan semangat patriotisme.

Unit kenegaraan, sentiasa meneruskan program tersebut dan dilaratkan bermula daripada pelajar-pelajar di sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi kerajaan dan swasta sehingga ke jabatan-jabatan kerajaan dan persatuan-persatuan di negara ini.

Salah seorang guru pengawas Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Dayang Nor Amalina binti Haji Abd. Rahman berkata, taklimat seumpama itu merupakan salah satu platform yang mampu memberikan

## Jabatan Penerangan menerima lawatan POLSARA

Oleh : Nurul Syakirah Zaini (Mahasiswa UBD)

Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi



**B**ERAKAS, Sabtu, 11 Oktober. - Pemangku Pengarah Jabatan Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyatakan, salah satu peranan Jabatan Penerangan ini secara khususnya ialah untuk menyalurkan maklumat kepada orang ramai daripada semua lapisan masyarakat dengan menggunakan tiga strategi penyaluran maklumat iaitu media cetak, komunikasi bersemuka dan media baru.

Beliau menjelaskan demikian ketika mengalaukan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan oleh seramai 11 orang ahli rombongan Persatuan Anggota Polis Diraja Brunei Bersara (POLSARA) yang diketuai oleh Yang Di-Pertua POLSARA, Pengiran Dato Paduka Haji Salim bin Pengiran Wahid.

Rombongan POLSARA juga diberikan taklimat ringkas tentang latar belakang Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Pegawai-Pegawai Kanan Penerangan di dalam bidang masing-masing.

Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini memberikan maklumat ringkas mengenai perkembangan akhbar rasmi kerajaan iaitu Pelita Brunei melalui sejarahnya terutama dari sudut penerbitannya yang dahulunya hanya diterbitkan sekali dalam seminggu dan sekarang sudah menjadi tiga kali dalam seminggu iaitu pada setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu.

Menurutnya, untuk mengusahakan satu akhbar Pelita Brunei, memerlukan kerjasama yang padu daripada mereka yang terlibat di dalamnya tidak kira sama ada pada pihak pemberita, penyunting, pereka letak, penyemak maupun penterjemah.

Setelah selesai mendengarkan taklimat ringkas daripada pegawai-pegawai Jabatan Penerangan, sesi soal jawab dibukakan bagi mengembangkan pengetahuan dan idea baru dalam sama-sama menambahbaikkan percaturan perancangan strategi dalam menjalankan sebarang program Jabatan

**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan cenderahati kepada Yang Di-Pertua POLSARA, Pengiran Dato Paduka Haji Salim bin Pengiran Wahid sempena lawatan sambil belajar Persatuan POLSARA.

Penerangan, antara yang telah dibincangkan ialah mengenai kempen mengibar bendera, program sua muka dan pengedaran Pelita Brunei.

Sejurus selepas itu, rombongan POLSARA dibawa melawat ke galeri pameran dan lawatan diakhiri dengan acara bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah dan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.

Visi Jabatan Penerangan adalah mengukuhkan perpaduan bangsa dan kesejahteraan negara, memelihara dan mencemerlangkan imej raja, negara dan kerajaan melalui penyebaran maklumat cepat, tepat dan berwibawa serta menjadi platform dua hala di antara kerajaan dan rakyat dalam mendukung falsafah, aspirasi dan matlamat negara.

Peranan utama Jabatan Penerangan ialah sebagai lidah dan telinga kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan, mendengar isu-isu dan 'concerns' orang ramai dan memahami agenda media massa, menjaga imej raja, negara dan kerajaan, memupuk dan memelihara semangat cintakan raja dan negara, mengendali pengurusan dan ehwal hubungan dengan media, serta mengendali aktiviti publisiti dan promosi bagi acara-acara kebesaran.

# Cegah, kawal anak-anak daripada penyalahgunaan dadah

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Ah Chua

**T**EMBURONG, Selasa, 21 Oktober. - Masyarakat khasnya ibu bapa dan penjaga berperanan penting bagi mengawal anak masing-masing daripada terjerumus ke lembah penyalahgunaan dadah.

Menyedari hal itu, Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Temburong telah mengadakan Program Awasi Anak Kitani, berlangsung di Balai Raya Kampung Menengah, Mukim Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Penghulu Mukim Bangar, Awang Hamdan bin Haji Awang Besar.

Program diselitkan dengan sesi taklimat Sindiket Dadah Antarabangsa dari Biro Kawalan Narkotik (BKN) disampaikan oleh Pegawai Narkotik Kanan, Pengiran Haji Ali bin Pengiran Samsudin.

Beliau antara lain menyentuh mengenai jenis-jenis dadah, hukuman yang dikenakan kepada pengedar atau pun mereka yang menyalahgunakan dadah, kesan pengambilan dadah terhadap kesihatan serta penglibatan individu dalam sindiket dadah antarabangsa.

Terdahulu, Ketua Unit

Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail dalam ucapannya berkata, ibu bapa tidak boleh membiarkan masalah dadah menggugat negara dan membiarkan masa hadapan masyarakat terjejas.

"Kita perlu memastikan masyarakat kita terutamanya anak-anak kita membesar di dalam komuniti yang bebas dari dadah."

Program Awasi Anak Kitani diharaskan dapat mewujudkan kesedaran ibu bapa tentang pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dadah dan memberi maklumat tentang keburukan dadah, sekali gus mengajar ibu bapa bagaimana menghadapi anak-anak yang telah terjerumus dalam aktiviti tidak sihat itu.

Selain ceramah, juga diadakan sesi soal jawab berkaitan dengan masalah dadah serta

pameran bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan serta pameran pelbagai jenis dadah oleh BKN.

Program kerjasama antara Jabatan Penerangan dengan BKN ini merupakan salah satu usaha Jabatan Penerangan dalam sama-sama membarigakan maklumat sesuai dengan fungsi dan tugas jabatan dalam menyebarluaskan aktiviti dan program-program kerajaan.



KETUA Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kemasyarakatan dan Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail semasa berucap semasa Program Awasi Anak Kitani.



PEGAWAI Narkotik Kanan, Pengiran Haji Ali bin Pengiran Samsudin semasa menyampaikan taklimat mengenai hal-hal yang berkaitan dengan dadah.

ANTARA yang hadir semasa berlangsungnya Program Awasi Anak Kitani anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik.

# Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd mengadakan taklimat ke Jabatan Penerangan

Oleh : Unit Perhubungan Awam

Foto : Mohammad Mahdi Haji Marsidi

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Oktober. – Satu taklimat mengenai Pelan Takaful Keluarga Berkelompok (Group Term Life) telah diadakan di bilik persidangan Jabatan Penerangan.

Taklimat ini diadakan untuk mengetahui lebih lanjut faedah daripada Pelan Takaful Keluarga Berkelompok yang mana boleh disertai oleh pegawai dan kakitangan jabatan ini memandangkan sebahagian tugas harian berhadapan dengan risiko-risiko yang tidak dijangkakan.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Eksekutif Kanan Takaful Brunei Keluarga Sdn. Bhd (TBK) di Bahagian Jualan, Dayang Nooramal Fitriyah binti Abdul Rahim. Beliau telah menyentuh mengenai dengan Paket Perlindungan Komprehensif di mana pakej tersebut mengandungi Perlindungan Asas iaitu Manfaat Kematian dan Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal bagi 24 jam perlindungan termasuk waktu cuti.

Beliau seterusnya menerangkan mengenai Perlindungan Tambahan yang bermanfaat seperti :-

- Hospital Elaun Harian dan Mingguan akan diberi ketika bertahan di rumah sakit disebabkan penyakit atau kemalangan sehingga 60 hari, sementara Elaun Mingguan diberikan selepas keluar dari rumah sakit sehingga 52 minggu.

- Faerah Perubatan di mana pembayaran balik bil perubatan disebabkan penyakit atau kemalangan juga diberikan.

- Manfaat Hospital dan Pembedahan merupakan manfaat komprehensif bagi rumah sakit dan pembedahan terutama sekali jika berlaku kecemasan semasa bertugas di luar negeri.

- Perlindungan kanser.

Penyertaan dalam Pelan Takaful Keluarga Berkelompok bukan sahaja dapat meringankan tanggungan kewangan bahkan juga menyediakan manfaat mengurangkan beban kewangan kepada keluarga peserta jika sekiranya meninggal dunia atau mengalami kecacatan seumur hidup.

Di akhir majlis, Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim menyampaikan cenderamata kenangan kepada Dayang Nooramal Fitriyah.



SEBAHAGIAN pegawai penerangan mendengar penjelasan mengenai pakej-pakej yang ditawarkan.



PEGAWAI Eksekutif Kanan TBK, Dayang Nooramal Fitriyah menyampaikan taklimat.



SESI bergambar ramai kenangan di penghujung taklimat tersebut.

# Batu Apoi : Gabungan perkataan bahasa Melayu, Murut

Oleh & Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim



**POKOK-POKOK rumbia yang boleh diusahakan menjadi ambulung.**

**T**ERLETAK kira-kira lima kilometer dari Pekan Bangar, Kampung Batu Apoi didiami dengan penuh keharmonian oleh pelbagai bangsa iaitu Melayu, Murut, Iban dan Cina. Nama kampung tersebut mempunyai sejarahnya tersendiri di mana ‘Batu Apoi’ merupakan gabungan dua perkataan, dua bahasa dari dua bangsa yang tinggal di kampung tersebut iaitu ‘Batu’ yang merupakan perkataan bahasa Melayu, manakala ‘Apoi’ pula adalah perkataan bahasa Murut yang bermaksud api.

Kampung itu juga mempunyai sejarah awal kewujudannya di mana dalam tahun 1925 sekumpulan orang Melayu Brunei dari Kampung Peramu, Bandar Brunei berhijrah dan membuat penempatan/perkampungan kecil di Kampung Batu Apoi yang diketuai oleh Awang Mokti bin Abdullah yang kemudiannya disampiri gelaran Orang Kaya Maharaja Lela oleh baginda Sultan Ahmad Tajuddin.

Gelaran tersebut kemudiannya diwarisi oleh anaknya iaitu Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd Yusof.

## KONGSI MAKLUMAT MELALUI PROGRAM SUA MUKA

Dalam pendekatan beberapa pegawai dari Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Temburong bersama Ketua Kampung Batu Apoi, Awang Haji Daud bin Haji Masri di kediaman beliau semasa berlangsungnya Program Sua Muka, ketua kampung berkenaan telah mengongsikan maklumat akan kemudahan yang terdapat di kampung berkenaan. Antara kemudahan yang dinikmati oleh para penduduk di kampung tersebut ujarnya termasuklah sebuah sekolah kerajaan, balai raya, pos polis dan sebuah masjid, di samping kemudahan asas lainnya seperti talian telefon, bekalan elektrik dan air, jalan raya dan sebagainya.

Di kampung itulah juga terbinanya Kompleks Sukan Temburong, manakala ketika ini sedang rancak dalam pembinaan ialah kem latihan yang kekal bagi Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang dijangka siap pertengahan tahun 2015.



**AMBULUNG** - produk perekonomian MPK Batu Apoi yang kini berjaya menarik perhatian para penggemar makanan 'ambuyat'.

### **PRODUK '1K1P'**

Sementara itu sumber semula jadi di sekitar kawasan sungai Batu Apoi yang diliputi oleh pokok-pokok rumbia telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh para penduduk Kampung Batu Apoi dengan mengusahakan pemprosesan ambulung. Produk tersebut diungkayahkan di bawah projek 'Satu Kampung Satu Projek' yang sedikit sebanyak telah dapat membantu menambah perekonomian para penduduk kampung tersebut, di samping mendapat sambutan dan permintaan yang agak memberangsangkan dari orang ramai. Makanan kegemaran bagi kebanyakan rakyat Brunei itu diproses di sebuah Kilang Mini Perusahaan Ambulung yang terletak di tebing sungai kampung berkenaan.

### **BISKUT AMBULUNG**

Dalam pada itu, ke arah meningkatkan lagi penghasilan di bawah 1K1P, maka Biro Wanita Mukim Batu Apoi telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan biskut yang diperbuat daripada ambulung. Menurut Penolong Biro Wanita MPK Batu Apoi, Dayang Normah binti Ismail, idea untuk membuat biskut ambulung ini muncul sejak lebih dua tahun lalu. Diusahakan oleh ahli-ahli Biro Wanita MPK Batu Apoi ujarnya pembuatan biskut ambulung ini juga adalah sebagai salah satu perusahaan bagi ahli-ahli biro wanita yang tidak bekerja, selain bagi mengisi masa lapang mereka serta untuk menambahkan pendapatan bagi menyara kehidupan sehari-hari.

"Pembuatan biskut ambulung ini juga adalah untuk menyahut seruan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi mencapai kemajuan kampung melalui 1K1P. Dengan pembuatan biskut ambulung ini saya berharap akan dapat meningkatkan lagi ekonomi MPK serta penduduk kampung Batu Apoi serta memberi peluang pekerjaan kepada golongan belia dan beliawanis di kampung ini," ujar Dayang Normah. Biskut ambulung MPK Batu Apoi mempunyai lima perasa atau jenis iaitu biskut ambulung biasa, oreo, keju, coklat chip, pandan dan coklat rice. Menurut Dayang Normah biskut ambulung

yang paling digemari ialah perasa keju dan oreo.

Ketika menceritakan mengenai proses pembuatan biskut tersebut Dayang Normah menjelaskan, tepung ambulung diperolehi daripada perusahaan MPK Batu Apoi yang mengusahakan pemprosesan ambulung sebagai produk yang dihasilkan di bawah projek 1K1P di mana ahli-ahli MPK itu sendiri yang mendapatkan pohon rumbia. Biro wanita ujarnya membeli tepung ambulung yang telah diproses dan setelah itu barulah ahli-ahli Biro Wanita mengusahakan tepung tersebut dengan terlebih dahulu menjemur tepung berkenaan sebelum ia diayak dan seterusnya digoreng bagi menghasilkan biskut.

Menurutnya sambutan orang ramai termasuk dari segi tempahan adalah memberangsangkan di mana tempahan bukan saja diterima dari dalam daerah malahan juga dari luar daerah. Biro Wanita MPK Batu Apoi juga pernah mengikuti ekspo jualan selain menerima tempahan bagi majlis-majlis tertentu seperti majlis-majlis perkahwinan dan sebagainya. Beliau berharap agar produk biskut ambulung akan terus berkembang luas hingga dapat memasarkannya ke luar negeri.



**KETUA Kampung Batu Apoi ketika memberi tunjuk cara memotong rumbia yang hendak diproses menjadi ambulung.**

# Menyusuri Kampung Tumpuan Telisai

Oleh : Noraisah Muhammed  
Foto : Norshamsudin bin Haji Md. Yassin



MASJID Telisai tersergam indah.

**K**AMPUNG Tumpuan Telisai Mukim Telisai, terletak di Daerah Tutong berhampiran dengan pantai kira-kira 18 kilometer dari Pekan Tutong mempunyai keramaian penduduk seramai 3,744 orang. Penduduk terdiri daripada pelbagai kaum yang berstatus masyarakat majmuk yang terdiri dari puak Dusun, Tutong, Kedayan, Brunei dan lain puak yang berasal dari daerah lain dan kemudian berpindah dan bermastautin setelah terbinanya Skim Perumahan Perpindahan Rakyat Jati Kampung Telisai.

Majoriti penduduknya adalah beragama Islam yang diwarisi secara turun-temurun dan sebahagian kecilnya pula adalah yang telah menganut ugama Islam (Mu'alaf) dan hanya tinggal beberapa kumpulan keluarga sahaja lagi yang masih lagi belum memeluk ugama Islam khususnya yang telah berpindah dari kampung yang lain untuk bermastautin di kampung ini. Diperkatakan pada zaman dahulu sumber ekonomi kehidupan penduduk-penduduk setempat hanya bergantung kepada bercucuk tanam atau menanam padi, mencari bahan-bahan dari hutan, berburu, menangkap ikan dan sebagainya.

## ASAL USUL NAMA KAMPUNG TELISAI

Pada masa dahulu penduduk-penduduk setempat telah mengusahakan pembuatan garam tradisional yang dihasilkan daripada batang-batang kayu yang terdapat di tepi pantai tersebut yang kemudiannya dibakar dan disiram dengan air laut untuk memperolehi debunya yang akan dimasak sehingga beku menjadi garam. Garam tersebut disebut sebagai 'Garam Takang' atau 'Sira Takang' (Uson Takang di dalam dialek Dusun). Proses ini memakan masa yang agak lama. Garam Takang mempunyai rasa yang cukup enak untuk dimakan dengan nasi beras tempatan malah ada yang dimakan begitu sahaja.

Penduduk-penduduk di sekitar kampung dan juga penduduk-penduduk kampung dari kawasan yang lain akan datang bertumpu ke pantai tersebut untuk bertukar-tukar barang harian seperti beras, sagu, sayur, ikan dan juga keperluan-keperluan yang lain dengan Garam Takang di sebuah kawasan lapang di bawah sepohon kayu yang bernama 'Pokok Telisai' (pokok tersebut masih wujud hingga masa ini yang satu-satunya masih bertahan) untuk berteduh daripada panas dengan daunnya yang lebar dan rimbun.

Pada zaman dahulu, di kawasan pantai berdekatan dengan Pokok Telisai ini merupakan tumpuan penduduk-penduduk dari kawasan Tutong atau Seria, Belait dan juga sebahagiannya dari bandar untuk dijadikan tempat rehat atau perhentian sementara sebelum meneruskan perjalanan ke destinasi masing-masing.

Disebabkan perjalanan pada zaman itu memakan masa yang agak lama sehingga 3 ke 4 hari baru sampai ke tempat yang dituju bahkan ada masanya sehingga seminggu perjalanan dengan menyusur pantai ketika air surut dan melalui lorong-lorong jalan di dalam hutan. Makanya mereka mesti membawa bekalan bahan makanan yang mencukupi bagi sesuatu perjalanan.

Lainnya juga dijadikan pengkalan tumpuan untuk perkumpulan bagi para nelayan setempat dan juga nelayan-nelayan yang datang dari Kuala Tutong dan juga Kuala Sungai Penyatang yang pergi atau balik dari menangkap ikan, di samping memperdagangkan hasil tangkapan dibuat secara bertukar-tukar barang yang diperlukan.

Akhirnya, terhasilah nama Tumpuan Telisai yang sebelumnya hanya disebut 'Pengkalan Telisai' yang seterusnya diabadikan sebagai nama kampung yang belum bernama pada masa itu sebagai Kampung Tumpuan



KENANGAN ... Kawasan penanaman padi di Sungai Paku yang diusahakan oleh penduduk Kampung Tumpuan Telisai satu ketika dulu.



JAMBATAN Telamba ... Salah satu jalan utama menuju ke Kuala Belait.

Telisai sehingga sekarang sebelum diubah kepada nama Kampung Telisai sahaja.

### KAWASAN KAMPUNG TELISAI

Kawasan Telisai terbahagi kepada dua kawasan iaitu kawasan Telisai Tengah dan juga kawasan Telisai Pantai. Kedua-dua kawasan ini seolah-olah merupakan sebagai nadi utama kepada keseluruhan kawasan Kampung Telisai yang telah menempatkan prasarana seperti masjid, sekolah rendah, pos polis, pejabat pos dan juga klinik kerajaan khususnya di kawasan Telisai Pantai yang terkenal dengan Taman Rekreasi Pantai Telisai dengan replika Buah Tembikai (Sekoi) yang dibina di jalan simpang masuk ke kawasan tersebut.

Bangunan-bangunan rumah kedai, restoran, kedai tayar, kedai ubat, kedai gunting, salon rambut termasuk bangunan Syarikat Kerjasama Primet dan mencuci kereta. Di kawasan Telisai ini juga terdapat sebuah bengkel memperbaiki kereta selain daripada bangunan blok gerai serta kawasan tapak riadah yang telah diusahakan

bersama oleh Majlis Perundingan Kampung Telisai dan juga penyertaan penduduk-penduduk yang tinggal dari seluruh kawasan Kampung Telisai.

Tapak riadah ini adalah sebuah kawasan yang boleh untuk mengadakan berbagai-bagai aktiviti seperti jogging atau memandu kereta-kereta buggy oleh penduduk terutamanya kumpulan belia yang tinggal di kawasan-kawasan Kampung Telisai dengan bentuk alam semula jadinya yang tiada terusik.

Kawasan Telisai Tengah ini sentiasa sibuk dilalui oleh kenderaan yang melalui jalan utama sama ada yang menuju ke arah Seria, Belait atau pun kenderaan yang menuju ke arah Tutong dan Daerah Brunei Muara, malahan juga kenderaan-kenderaan dari negara jiran yang pergi ke wilayah Limbang Sarawak dan Sabah melalui pos kawalan Kuala Lurah dan juga ke wilayah yang lain di Sarawak melalui pos kawalan sempadan di Sungai Tujoh.

Pada masa ini bilangan rumah yang telah dibangunkan di kawasan ini adalah semakin bertambah dari semasa ke semasa dan ada di antaranya yang masih lagi di dalam proses pembinaan dan sebahagiannya pula telah siap sepenuhnya yang kini telah pun didiami. Penduduk yang telah membangunkan rumah-rumah di kawasan ini adalah terdiri daripada penduduk yang sememangnya berasal dari kawasan Kampung Telisai dan sebelumnya telah tinggal di rumah-rumah tumpangan kerajaan di daerah yang lain atas sebab sedang menjalankan tugas atau bekerja di daerah yang berkenaan.

Sebahagian daripada penduduknya hanya akan mendiami rumah-rumah yang telah dibangunkan di setiap hujung minggu sahaja atau ketika sedang bercuti disebabkan tempat bertugas adalah jauh dari kawasan kampung (di daerah yang lain) dan telah mendapat tempat tinggal di rumah-rumah tumpangan kerajaan atau rumah yang telah disewa.



MENARA peninjau Pantai Telisai.

## Istimewanya nama Kampung Junjongan

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor, Rahimah Haji Tamin  
dan Nurul Syakirah Zaini

Foto : Md. Arif Morni dan Jabatan Penerangan



**PERIGI** yang menyimpan legenda sejarah yang masih wujud sehingga kini.

**R**OMBONGAN Program Sua Muka, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah meninjau lebih dekat lagi Kampung Junjongan iaitu salah sebuah kampung di bawah Mukim Pengkalan Batu dan terletak kira-kira 38 kilometer dari Bandar Seri Begawan. Kampung Junjongan juga mempunyai tempat bersejarah iaitu Makam Sharif Alwi yang terletak berhampiran sungai. Menurut sejarah lisan, pada zaman dahulu ada seorang Sharif yang mengembara untuk menyebarkan Islam di kampung-kampung, beliau sempat bertarung dengan Datu Rumbi, seorang yang kebal.

Pertarungan itu berlaku di Kampung Masin dan akhirnya menyebabkan Sharif Alwi tertewas lalu mayatnya hanyut dan terdampar di Sungai Limau Manis. Sharif Alwi diberi gelaran ‘Raja Junjungan’ di atas pengorbanannya. Tapak makam ini masih boleh dilihat sehingga kini sebagai tinggalan bukti sejarah yang juga tertulis di dalam buku Tersilah Brunei sebagai rujukan.

Menurut Ketua Kampung Junjongan yang telah menjawat jawatan tersebut sejak 16 tahun lalu, Awang Haji Tahir bin Haji, pada asalnya kampung ini bernama Kampung Lampaki. Lampaki merupakan sejenis buluh. Kemudiannya nama kampung ini ditukar menjadi Kampung Junjongan kerana pada masa dahulu sering dikunjungi dan menjadi tumpuan para pengalu.

Mengikut cerita orang dahulu, pengalu ini mengalu dari bandar ke kampung untuk mencari rezeki. Pada masa

itu, berlaku sistem pertukaran barang masih diamalkan; ikan masin ditukar dengan buah-buahan. Di samping itu, nama kampung ini diambil sempena sukut baik daripada perkataan disanjung, dijunjung yang membawa maksud dipandang tinggi serta dihormati.

Menurutnya lagi, sekitar tahun 1930-an, kampung ini hanya didiami seramai lebih kurang 30 orang penduduk



**MAKAM** Sharif Alwi yang terletak berhampiran sungai di Kampung Junjongan terkenal menyebarkan Islam di kampung-kampung menjadi tarikan kampung berkanaan.

terdapat hanya 13 buah rumah. Ketika itu, semangat bergotong-royong sangat menebal dalam kalangan penduduk kampung contohnya bila penduduk kampung ini berhasrat untuk memindah rumah dari satu tempat ke tempat yang lain dengan mengangkat tiang rumah beramai-ramai.

## KEMUDAHAN

Dalam program ini Awang Haji Tahir bin Haji mengongsikan pandangan termasuk kampung ini diberi pelbagai kemudahan kerajaan seperti pembinaan masjid yang siap pada 15 September 1998 di atas tapak tanah seluas 1.5 ekar dengan perbelanjaan sebanyak BND60 ribu. Kapasiti masjid ini boleh menampung seramai 250 orang jemaah. Di antara kemudahan yang disediakan termasuk bekalan air, elektrik dan sekolah.

Di samping itu, penduduk kampung juga mengusahakan skim tanaman kelapa yang mula pada tahun 1975. Pada masa ini seramai 63 orang diberikan satu lot setiap seorang iaitu tanah seluas dua ekar untuk dimajukan, bagi skim tanaman tersebut. Manakala pada tahun 2000, Koperasi BAKA telah ditubuhkan sehingga kini mengusahakan ladang buah-buahan tempatan yang ditanam di tanah seluas 73 hektar oleh 128 ahli kampung berkenaan.

Dengan keadaan tanah yang subur, kampung ini juga mengusahakan ladang buah-buahan tempatan seperti durian, rambutan, pulasan, kembayau, binjai dan belunu.

Program ini juga sempat bersua muka dengan Pengusaha Kerajinan Tangan Tar (Hadrah), Awang Haji Taha bin Haji Mohd Salleh. Hadrah ini boleh digolongkan dalam muzik paluan iaitu muzik yang hanya menggunakan alat-alat gendang dan gong untuk mengiringi nyanyian



PENGUSAHA Kerajinan Tangan Tar (Hadrah), Awang Haji Taha bin Haji Mohd. Salleh memperlihatkan hasil kraf tangannya.

semasa majlis kebudayaan seperti perkahwinan, menyambut tetamu dan sebagainya. Hadrah juga berasal dari perkataan Arab iaitu dikir yang disertai oleh Kompong atau Rebana Kecil.

Sebelum ini, Awang Haji Taha bekerja sebagai pembuat perahu tambang dan membina rumah-rumah kemudiannya aktif menghasilkan tar bagi tujuan untuk cenderahati atas permintaan pelanggan terutama pihak-pihak sekolah, agensi awam dan swasta dan persendirian.

Selain mempunyai tempat bersejarah yang boleh dijadikan tarikan pelancong, kampung ini juga sebuah kampung yang aktif dalam banyak hal antaranya giat menjayakan acara berkebajikan, keugamaan dan sukan melalui Majlis Perundingan Kampung (MPK).



SESI bergambar ramai bersama ahli-ahli MPK Kampung Junjongan.

## Wujudkan masyarakat pemedulian

Oleh: Haniza Abdul Latif

Foto : Haniza Abdul Latif dan Jabatan Penerangan



RANCANGAN Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri Kawasan I adalah sebuah kampung di bawah Mukim Mentiri dan terletak di Jalan Kota Batu, Negara Brunei Darussalam.

Ketika rombongan Jabatan Penerangan mengadakan Program Sua Muka Bersama Ketua Kampung RPN Kampung Mentiri Kawasan 1, Pengiran Haji Aliuddin bin Pengiran Haji Damit menjelaskan, kampung ini mempunyai sebanyak 325 buah rumah dengan jumlah penduduk kampung seramai 3,000 orang. Kebanyakan penduduk yang tinggal di RPN Kampung Mentiri Kawasan 1 ialah terdiri dari bangsa Melayu dan terdapat sebilangan kecil puak Iban dan puak Cina. Dari 3,000 orang, 1,455 penduduk adalah lelaki dan 1,545 perempuan. Dari segi pekerjaan pula, majoriti penduduk adalah berkhidmat dengan kerajaan dan sebahagiannya ada yang bekerja sendiri sebagai nelayan.

### KEMUDAHAN AWAM

Semasa program tersebut, Ketua Kampung turut mengongsikan kemudahan-kemudahan awam yang terdapat di dalam RPN Kampung Mentiri Kawasan 1 termasuk masjid, Pusat Kemasyarakatan, Pejabat Pos, Pos Polis dan Balai Bomba.

### BALAI BOMBA

Balai Bomba Mentiri dibina berdekatan Balai Polis Mentiri di atas tapak seluas 3.21 ekar (1.23 hektar). Projek pembinaan bagi Balai Bomba tersebut berharga BND7,805,189.90 termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara dan telah siap pembinaannya pada 30 Mei 2013.

Balai ini memberi perkhidmatan kepada lima buah kampung dalam kawasan tadahannya iaitu Mukim Mentiri iaitu Kampung Mentiri, Kampung Kawasan 1 dan II Rancangan Perumahan Kampung Mentiri dan Kampung Sungai Buloh.

Dengan adanya balai bomba ini ia telah dapat memberikan perkhidmatan kecemasan yang lebih cepat dan mesra rakyat bagi penduduk di mukim yang berjumlah lebih 11,176 orang selain dapat memberikan khidmat kecemasan bagi penduduk di 4,000 buah unit rumah skim perumahan Kampung Mengkubau.

### Pusat Kemasyarakatan

Pusat Kemasyarakatan Perpindahan Mentiri mula dibina pada 26 Februari 1996 dan siap pada 25 Mei 1997. Dewan pusat kemasyarakatan ini boleh memuatkan seramai 400 orang. Kemudahan yang terdapat dalam dewan termasuk 3 gelanggang bulu tangkis, 8 unit ruang kedai, 1 bilik aktiviti, 1 bilik sukan dan 2 pejabat.

### Pejabat Pos

Pejabat Pos Mentiri dibina di atas tapak yang berkeluasan 0.5581 hektar dengan kos pembinaan sebanyak BND358,600. Ia mula dibina pada 30 Januari 2003 dan dirasmikan pada 19 Mac 2007. Pada bulan Oktober tahun lepas pejabat pos ini telah menerima 'Anugerah Pejabat Pos Penyerahan Terbaik' sempena sambutan Hari Pos Sedunia.

Menurut Pengiran Haji Aliuddin, dengan terbinanya Pejabat Pos Mentiri ini, bukan sahaja telah memudahkan lagi penduduk kampungnya dan malahan juga penduduk kampung di sekelilingnya.



**BALAI bomba ini memberi perkhidmatan kepada lima buah kampung dalam kawasan tadahannya iaitu Mukim Mentiri iaitu Kampung Mentiri, Kampung Kawasan I dan II Rancangan Perumahan Kampung Mentiri dan Kampung Sungai Buloh.**

## JAWATANKUASA YANG BERFUNGSI

Di kampung ini, tiga jawatankuasa yang berfungsi dalam membantu apa jua kegiatan-kegiatan yang berkebaikan di kampung ini. Jawatankuasa tersebut ialah Majlis Perundingan Kampung (MPK), Kejiranan Kampung dan Gerakan Ibu Bapa Belia.

Salah satu fungsi yang telah diungkayahkan oleh MPK adalah membantu Ketua Kampung bagi mengerakkan apa-apa jua aktiviti-aktiviti seperti keugamaan, kemasyarakatan, sukan dan ekonomi yang dilaksanakan di kampung ini.

Antara aktiviti atau acara yang diadakan pada setiap tahun adalah; Majlis Doa Arwah Sekampung; Majlis Penyampaian Derma Anak Yatim dan Kempen Membersihkan Kubur Orang-Orang Islam.

## KEGIATAN-KEGIATAN KEAGAMAAN

Kegiatan seumpama ini diadakan sempena bulan Ramadan, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha.

Pada tahun 1997, sebelum tertubuhnya sebuah masjid di kampung ini, Ahli-ahli MPK pada masa itu telah bercadang untuk memanfaatkan pusat kemasyarakatan yang ada untuk digunakan sebagai tempat Sembahyang Sunat Tarawih dan acara bertadarus sepanjang bulan Ramadan, Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri, Sembahyang Sunat Aidiladha dan juga Majlis Tahsil Arwah Sekampung.

Kegiatan-kegiatan ini telah mendapat sambutan yang baik daripada penduduk kampung dan telah diteruskan sehingga tahun 2001 dengan jayanya.

## AKTIVITI BERDIKIR

Dalam usaha untuk mengembangkan Dikir Syarafil Anam dan juga Dikir Brunei, satu kumpulan dikir telah pun ditubuhkan dan diberi nama Shoutul Barakah yang dipengerusikan oleh ketua kampungnya sendiri.

Ahli-ahli terdiri daripada penduduk kampung sendiri. Untuk menghalusi bacaan dikir dan lagu, kelas latihan telah dibuat di rumah ketua kampung dan di Bilik Aktiviti Pusat Kemasyarakatan Perpindahan Mentiri. Kelas tersebut diadakan selama dua kali seminggu iaitu pada hari Selasa dan Rabu yang mana hari Selasa dikhususkan untuk pendikir lelaki dan hari Rabu dikhususkan untuk pendikir perempuan.

Bagi menyemarakkan malam Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Ahli-ahli MPK membuat rombongan bersama Ahli-ahli Kumpulan Dikir Shoutul Barakah membuat kunjungan ke rumah-rumah di kawasan ini selama 12 malam berturut-turut dengan tujuan bagi merapatkan hubungan tali silaturrahim antara ahli-ahli MPK dengan penduduk kampung ini.

Dari kegiatan-kegiatan yang telah diungkayahkan, ia telah memberi kesan yang positif ke arah perpaduan dan persefahaman dalam kalangan penduduk kampung ini dan kenal mengenali di antara satu sama lain semata-mata untuk mewujudkan satu masyarakat pemedulian dan tidak camah mata dengan saling tolong-menolong di antara satu sama yang lain.



**KETUA Rombongan dari Jabatan Penerangan menyampaikan cenderahati kepada Ketua Kampung RPN Kampung Mentiri Kawasan 1.**

## Sua Muka ke Kampung Kapok

Oleh: Norliah Md. Zain

Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

**M**UARA, Rabu, 22 Oktober. - Rombongan dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri meneruskan Program Sua Muka (Personal Contact) bersama Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (AJK MPK) Kapok.

Rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim yang juga selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan sementara bagi pihak AJK MPK Kapok pula diketuai oleh Ketua Kampung Kapok, Awang Haji Marali bin Haji Ahmad.

Ketua Kampung Kapok menjelaskan bahawa kampung itu dihuni oleh 4,337 penduduk terdiri daripada 2,266 lelaki dan 2,071 perempuan.

Menurut beliau, kampung tersebut aktif mengeluarkan produk kerepek pisang yang mempunyai enam rasa iaitu rasa asli, durian, milo, jagung, pandan dan kopi.

Walau bagaimanapun, jelas Awang Haji Marali, kerepek pisang rasa kopi jarang dikeluarkan memandangkan sambutannya yang kurang menggalakkan, namun penduduk kampung bersedia membuatnya jika ada tempahan daripada orang ramai.

Pembuatan kerepek pisang tersebut dilaksanakan di rumah beliau dan dikendalikan oleh Biro Ekonomi dan Biro Wanita serta belia dan beliananis Kampung Kapok.

Pihak AJK MPK Kapok turut mengutarakan beberapa keperluan penduduk kampung antaranya sebuah bangunan untuk mengusahakan kerepek pisang dan sebuah arca sebagai tanda bagi Kampung Kapok.

Kampung Kapok juga tidak ketinggalan mendapat beberapa kemudahan asas daripada pihak kerajaan seperti api elektrik, air, telefon, jalan raya, sekolah rendah dan masjid.



**KETUA Kampung Kapok Awang Haji Marali bin Haji Ahmad ketika menerangkan mengenai perkembangan Kampung Kapok.**

Kampung ini telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Perak pada Pertandingan Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan Ke-3, Tahun 2014.

Antara tujuan Program Sua Muka (Personal Contact) adalah bagi meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat serta rakyat dan kerajaan; membarigakan maklumat dan program serta perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung melalui Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan menyampaikan maklumat serta isu-isu semasa dan dasar kerajaan.

Program ini juga diharap dapat menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Unit Kemasyarakatan, Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail dan beberapa pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan dan ahli-ahli MPK Kapok.



**ROMBONGAN** dari Jabatan Penerangan dan ahli-ahli MPK Kapok bergambar ramai sempena dengan Program Sua Muka bersama Ketua Kampung Kapok Awang Haji Marali bin Haji Ahmad.

**Senarai pegawai dan kakitangan yang menghadiri kursus / seminar / bengkel bagi bulan Oktober 2014:**

BIL	NAMA	KURSUS / SEMINAR / BENGKEL	PADA
1.	Dayang Ruziah binti Haji Zakaria	Tatacara Persuratan Rasmi	02 Oktober 2014
2.	Awang Haji Shamsudin bin Haji Omar		
3.	Awang Shari bin Haji Garib	Kursus Komunikasi Bersama Pelanggan	02 Oktober 2014
4.	Awang Haji Kamran bin Haji Bungsu	Mail Merge	07 - 08 Oktober 2014
5.	Awang Haji Muhamad Hidayatullah bin Abdullah Ang		
6.	Dayang Sylvina Hon Zee Leena		
7.	Dayangku Hajah Siti Mewartee binti Pengiran Haji Kahar		
8.	Ampuan Roza Amalyati binti Ampuan Hussain	Microsoft Powerpoint	07 - 09 Oktober 2014
9.	Dayang Siti Norasilah binti Awang Asli		
10.	Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin	Kursus Keterampilan Diri	08 - 09 Oktober 2014
11.	Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya	Research Methods for Managers	13 - 18 Oktober 2014
12.	Dayang Mas 'Ayu binti Perwira Asgar Haji Abdullah	Kursus Pengendalian Fail dan Rekod	27 - 30 Oktober 2014
13.	Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad	Kursus Penilaian Prestasi	29 - 30 Oktober 2014
14.	Haji Salleh bin Haji Yusof	Kursus Pengurusan Stres	29 - 30 Oktober 2014

**Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih di atas sumbangan bakti, jasa, tenaga dan komitmen sepenuhnya sepanjang berkhidmat di Jabatan Penerangan. Selamat bersara dan selamat maju jaya kepada :**



**Belang bin Gelawat  
Tarikh lahir : 1 November 1959  
Tarikh Tamat Perkhidmatan : 30 Oktober 2014**



*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

**<http://www.penerangan.gov.bn>**

**<http://www.information.gov.bn>**

**<http://www.pelitabrunei.gov.bn>**

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



**infodept.bn**



**infodept\_bn**

